



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERBAHAGIA DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
SEMPENA
PERTANDINGAN AKHIR PENGISAHAN KENEGARAAN
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**TEMPAT
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAQ, KUALA NERUS, TERENGGANU
29 SEPTEMBER 2019 (AHAD)**

Terima kasih saudara / saudari pengacara majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan

Salam Sayangi Malaysiaku : Malaysia Bersih

Salutasi

Yang Berusaha Puan Roselindawati binti Abdul Rahman

Ketua Pengarah Penerangan

Jabatan Penerangan Malaysia

Yang Berusaha Dr. Abdullah bin Ibrahim

Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar

Universiti Sultan Zainal Abidin

Yang Berbahagia Dato' Mohd Sukari Ab Hamid

Timbalan Ketua Pengarah (Kandungan Digital)

Jabatan Penerangan Malaysia

Yang Berusaha Tuan Haji Wan Zaidi bin Wan Nawi

Wakil Pengarah

Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail

Seterusnya Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam Pertandingan Akhir Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2019.

2. Terima kasih khusus kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan, Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin atas kerjasama menjadi rakan strategik Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) serta sudi menjadi tuan rumah bagi peringkat akhir pertandingan ini.
3. Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) kerana menjemput saya untuk merasmikan Program Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2019.
4. Sesungguhnya kehadiran kita semua pada pagi ini menunjukkan komitmen dan semangat cintakan negara yang tinggi dalam mengukuhkan perpaduan. Kita baharu sahaja menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang bertemakan "Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih". Pelbagai program peringkat persekutuan dan negeri yang menarik telah dilaksanakan bagi menyemarakkan semangat cintakan negara. Namun demikian, gelora ini tidak harus terhenti atau terputus selepas tamatnya Sambutan Bulan Kebangsaan. Sebaliknya, kita harus terus-menerus memupuk, memelihara dan menyemarakkan semangat cintakan negara dan perpaduan yang jitu setiap masa.
5. Pertandingan Pengisahan Kenegaraan merupakan kesinambungan program-program cintakan negara yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen). Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) kerana berjaya menganjurkan Program Pengisahan Kenegaraan yang bermula dari tahun 2003 lagi sehingga kini iaitu selama 17 tahun.

PEMBINAAN NEGARA BANGSA

6. Selari dengan tema yang ditetapkan untuk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia iaitu 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih', Kerajaan telah menekankan empat (4) elemen penting iaitu perpaduan, semangat cintakan negara, integriti yang tinggi dan Kemakmuran Bersama.
7. Keempat-empat elemen ini penting untuk membina negara bangsa yang maju jaya, berpendapatan tinggi dan hidup dalam aman harmoni.

Hadirin yang dihormati sekalian,

INISIATIF KKMM DALAM PEMBANGUNAN NEGARA MASA HADAPAN

8. Dalam membicarakan tentang pembangunan negara, kita seharusnya meletakkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap pengorbanan yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan masa lalu. Melalui pengorbanan mereka inilah, kita dapat mewarisi sebuah negara yang boleh kita diami secara bebas dan merdeka. Kini, kita perlu bersama-sama merangka, melaksana dan memberi sokongan padu atas segala inisiatif-inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan semasa bagi mencapai pembangunan negara yang mampan dan dinamik.
9. Ke arah itu, antara inisiatif terkini yang dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama jabatan dan agensi di bawahnya ialah dengan melancarkan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). NFCP secara ringkasnya adalah perkhidmatan jalur lebar berkelajuan lebih tinggi melalui rangkaian gentian optik untuk dinikmati oleh seluruh rakyat di mana sahaja mereka berada.
10. Pelancaran NFCP ini adalah selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang berteraskan teknologi digital yang akan membuka peluang untuk rakyat Malaysia meningkatkan keupayaan dan kemajuan diri dalam semua aspek kehidupan.
11. Justeru, bagi menyediakan fasiliti terbaik ke arah melahirkan K-Workers dan K-Ekonomi, KKMM menyasarkan pencapaian 98 peratus liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2023 dengan kelajuan minimum pada kadar 30 Megabits per second (Mbps). KKMM juga menyasarkan internet berkelajuan Gigabit di kawasan perindustrian berimpak tinggi dan strategik menjelang tahun 2020 dan di semua ibu negeri menjelang tahun 2023.
12. Usaha yang dilakukan ini akan menjana ekonomi negara dan membuka kira-kira 20,000 peluang pekerjaan kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan B40 dan M40 kerana pelbagai kepakaran dan kemahiran diperlukan untuk membina infrastruktur digital ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Inisiatif yang seterusnya ialah peralihan siaran televisyen dari sistem analog ke sistem digital. MyFreeview TV atau siaran digital akan terlaksana sepenuhnya pada 31 Oktober 2019. Selepas 56 tahun siaran analog diperkenalkan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada tahun 1963, kini, orang ramai boleh menikmati kualiti penyiaran pada tahap yang optimum.
14. Dengan fungsi definisi tinggi (HD) yang ditawarkan, kualiti gambar menjadi jauh lebih baik dengan resolusi tinggi dan kualiti audio menjadi lebih jelas. Menerusi myFreeview, pengguna dapat menikmati secara percuma 15 saluran televisyen dan 6 saluran radio termasuk 5 saluran dalam HD iaitu TV1, TV2, TV3, TV Alhijrah dan Bernama News Channel. Perkhidmatan TV interaktif seperti membeli-belah dari rumah turut disediakan.
15. Peralihan sistem ini akan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan Wilayah Tengah dan Selatan pada 30 September, Wilayah Utara dan Timur pada 14 Oktober, Sabah dan Sarawak pada 31 Oktober 2019.
16. Oleh itu, saya berharap setiap rakyat bersedia untuk melalui fasa peralihan yang terbesar dalam sejarah penyiaran negara kita.
17. Inisiatif-inisiatif di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memakmurkan ekonomi negara seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhannya. Namun begitu, kemakmuran dan kemajuan yang dicapai ini akan tergugat jika aspek perpaduan dan semangat cintakan negara itu tidak dipelihara bersama secara kolektif. Bak kata pepatah “Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat”.

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Permuafakatan yang terjalin melalui lima (5) prinsip Rukun Negara perlu sentiasa disuburkan oleh setiap rakyat Malaysia. Penghayatan dan pengamalan prinsip ini tidak hanya terhad semasa sambutan bulan

kebangsaan sahaja malah menjadi warganegara yang bersemangat patriotik tinggi pada setiap masa adalah kewajipan bagi semua. Ini adalah formula kita dalam membina negara yang berjaya berasaskan semangat kebersamaan sebagai rakyat Malaysia.

19. Saya amat yakin dan percaya segala usaha ke arah itu telah dijalankan sebaiknya oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dengan paduan kerjasama bersama agensi-agensi lain khususnya bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam setiap jiwa dan sanubari rakyat Malaysia. Dengan membawa mesej kenegaraan sebagaimana program kita pada hari ini, diharap dapat terus mengukuhkan semangat kecintaan kita pada negara.
20. Kepada semua peserta pertandingan akhir dan juga peringkat saringan, syabas, tahniah dan terima kasih atas penyertaan semua. Ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para pemenang yang bakal diumumkan sebentar nanti.
21. Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Pertandingan Akhir Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 2019.

Sekian, terima kasih.